

# Penat bersih rumah selepas banjir



**RAFIZUL** (kiri) menunjukkan kepada Shahdan perabot dan peralatan rumah yang perlu dibersihkan di Kampung Batas Paip, Anak Bukit, Alor Setar semalam.

Oleh **AHMAD SYAHIR KASSIM**  
syahir.kassim@kosmo.com.my

**ALOR SETAR** - Kerja berat menanti mangsa-mangsa banjir apabila mereka terpaksa mengerah keringat untuk mencuci rumah dan perabot yang digenangi air sejak minggu lalu.

Walaupun penat selepas pulang dari pusat penempatan banjir, ia tidak menghalang mereka untuk terus membersihkan rumah.

Bagi Rafizul Rosmili, 15, dia membantu datuknya, Shahdan Ahmad, 66, mencuci rumah dan peralatan yang ditenggelami air sehingga paras paha.

Katanya, ketika pulang ke rumah selepas banjir, banyak barangan termasuk perabot rosak serta kotor dan ia terpaksa dibersihkan.



“Walaupun badan terasa penat tetapi terpaksa digagakkan juga kerana tidak mahu melihat rumah tidak terurus,” katanya ketika ditemui di rumah datuknya di Kampung Batas Paip, Anak Bukit di sini semalam.

Pada minggu lalu, Kedah dan Perlis dilanda banjir besar sehingga lebih 40,000 orang terpaksa dipindahkan.

Bagaimanapun, keadaan banjir di kedua-dua negeri tersebut semakin pulih.

Sehingga pukul 5 petang semalam, Kedah hanya mencatatkan 22,829 orang



mangsa banjir di 56 pusat pemindahan banjir manakala di Perlis hanya 3,677 orang masih berada di 20 pusat pemindahan banjir.



**AZIZ** (tiga dari kiri) dan **Abdul Razak** (dua dari kanan) bersama sukarelawan dan pegawai Kumpulan Utusan memasukkan wang ke dalam tabung pada majlis pelancaran Dana Bantuan Mangsa Banjir di Kuala Lumpur semalam.

## Kumpulan Utusan, MRA lancar dana mangsa banjir

**KUALA LUMPUR** - Kumpulan Utusan dan Malaysian Relief Agency (MRA) melancarkan Dana Bantuan Mangsa Banjir bagi membantu rakyat di utara Semenanjung yang terjejas teruk akibat bencana banjir sejak 30 Oktober lalu.

Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Aziz Ishak berkata, syarikat akhbar itu amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan MRA yang menunjukkan semangat tinggi untuk membantu masyarakat dilanda kesusahan.

“Ia diharap memberi satu makna istimewa dalam membantu mangsa banjir kerana selepas ini tekanan yang bakal dihadapi mangsa amat besar selain emosi

terganggu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran dana tersebut di Hospital Pakar Al Islam di sini semalam.

Pengerusi MRA, Datuk Dr. Abdul Razak Kechik menjelaskan, pihaknya memerlukan sebanyak RM150,000 hingga RM200,000 setiap hari dalam tempoh 14 hari bagi menyediakan keperluan kepada mangsa-mangsa banjir.

Orang ramai yang ingin memberikan bantuan boleh menyalurkan sumbangan mereka ke dalam akaun Maybank 5640-9820-6365 atas nama Malaysian Relief Agency atau menghubungi talian 03-2697 2007.



## Bakti sumbang RM20,000 kepada mangsa banjir

**POKOK SENA** - Prihatin dengan beban yang ditanggung mangsa banjir, Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) memberikan sumbangan sebanyak RM20,000 kepada mangsa banjir di Kedah dan Perlis.

Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Rosmah Mansor berkata, sumbangan itu akan disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) secepat mungkin.

“Saya mewakili ahli-ahli Bakti menyampaikan ucapan takziah kepada mangsa-mangsa banjir.

“Kita ada peruntukan khas untuk mangsa-mangsa banjir di Kedah dan Perlis,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas meluangkan masa kira-kira sejam melawat keluarga Noraini Ilyas, 38, dan Mohd. Shukor Sudin, 39, di rumah mereka di Kampung Teriak di sini semalam.

Pasangan tersebut kehilangan dua anak perempuan, Nurul Nadia Shukor, 13, dan Nurul Shafiqah, 9, yang lemas dalam banjir baru-baru ini.

Dalam kejadian Rabu lalu, dua beradik tersebut meninggal dunia akibat lemas setelah motosikal



**ROSMAH** (kiri) semalam menenangkan Noraini yang kehilangan dua anaknya dalam kejadian banjir baru-baru ini di Pokok Sena.

yang ditunggangi mereka gagal dikawal lalu terjatuh ke dalam sungai di kampung itu.

Dalam lawatan tersebut, Rosmah bagi pihak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak turut menyempakan bantuan sebanyak RM3,000 kepada keluarga tersebut. Sementara itu di **Kuala Lum-**

**pur** semalam, kira-kira 200 sukarelawan terdiri daripada Rakan Muda, Pemuda Barisan Nasional (BN) dan ahli Majlis Belia Malaysia berlepas ke Kedah dan Perlis untuk membantu mangsa banjir.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan yang juga Naib Ketua Pemuda



**RAZALI** (tiga dari kiri) memakaikan jaket keselamatan kepada salah seorang sukarelawan banjir di Kuala Lumpur semalam.

UMNO, Datuk Razali Ibrahim yang melepaskan konvoi tersebut berkata, ia merupakan kumpulan kedua dihantar ke sana selepas kumpulan pertama terdiri daripada 200 sukarelawan BN dan 300 sukarelawan Rakan Muda yang digerakkan sejak seminggu lalu.

“Pada hari ini (semalam) se-

banyak 200 sukarelawan lagi akan dihantar untuk membantu penduduk di sana,” katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Fadillah Yusof.